



Pemberhentian Pembayaran Nafkah Anak Melalui Perintah Pembatalan di Mahkamah Syariah

Undang-Undang Keluarga Islam

Cessation of Child Support Payment Through Cancellation Order in Shariah Court

28

MOHD HAZWAN ISMAIL
(Corresponding Author)

Kulliyyah Syariah dan Undang-Undang
Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim
Mu'adzam Shah (UniSHAMS)
mhazwan@unishams.edu.my

Submitted: 19 August 2024
Revised: 23 October 2024
Accepted: 30 October 2024
E-Published: 31 October 2024

SYEIKH MUHD TAUFIQ A. RASHID

Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah (JKSNK)
taufiq@esyariah.gov.my

ABSTRAK

Pembatalan perintah nafkah anak boleh dilakukan di mahkamah syariah setelah perintah nafkah anak dikuatkuasakan. Sebelum dikuatkuasakan oleh pengadu atau si ibu, ia perlu mendapatkan perintah yang telah dimeterai berdasarkan perbicaraan atau keputusan atas persetujuan kedua-dua pihak. Walau bagaimanapun, timbul permasalahan kajian apabila perintah nafkah tersebut terus berkuatkuasa sehingga anak telah melepasi had umur yang telah diperuntukkan dalam undang-undang. Si ibu telah menuntut tunggakan hutang apabila si bapa telah memberhentikan pembayaran nafkah dengan sendirinya apabila anak telah mencapai atau melepasi 18 tahun dan telah bekerja. Namun begitu, mahkamah telah membenarkan untuk tunggakan dikira walaupun telah melepasi tempoh had umur berdasarkan seksyen 79 Akta 303. Si bapa beranggapan, kuatkuasa perintah nafkah anak akan terhenti secara automatik apabila anak telah dikira dewasa dan mampu untuk mencari rezeki. Tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk meneliti secara kritis sama ada perintah nafkah anak tersebut boleh diberhentikan secara automatik atau perlu mendapatkan perintah pembatalan nafkah anak di mahkamah syariah. Metode yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk kualitatif berdasarkan daripada pengumpulan data melalui kitab-kitab fiqh, kertas kajian, jurnal, kajian kes serta peruntukan undang-undang. Selain daripada itu, temu bual juga dilakukan bersama peguam syarie yang mengendalikan kes-kes tersebut dengan menggunakan metod kajian lapangan. Hasil kajian mendapati, perintah pembatalan nafkah diperlukan untuk memberhentikan pembayaran nafkah dengan memasukkan alasan-alasan seperti anak sudah melepasi 18 tahun dan bekerja. Hal ini juga termasuk dalam pembayaran melalui Perintah Tahanan Pendapatan Tenaga (PTPT) iaitu pemotongan gaji apabila majikan memerlukan





perintah tersebut untuk memberhentikan pemotongan. Sekiranya perintah pembatalan nafkah anak tidak diperoleh, maka tunggakan nafkah akan terus dikira dan tuntutan hutang tersebut boleh dilakukan jika tiada pembayaran oleh si bapa. Maka cadangan bagi memudahkan proses pemberhentian pembatalan nafkah ini adalah mewujudkan satu sistem yang membolehkan semakan melalui KWSP iaitu sekiranya terdapat akaun yang aktif melalui sistem E-Syariah, maka secara automatiknya pembayaran nafkah boleh dihentikan.

Kata Kunci: Nafkah Anak, Perintah Pembatalan, Perundangan, Mahkamah Syariah.

ABSTRACT

Cancellation of the child support order can be done in the Sharia court after the child support order has been enforced. Before being enforced by the complainant or the mother, it is necessary to obtain an order that has been sealed based on a trial or a decision on the agreement of both parties. However, a research problem arises when the maintenance order continues to be in effect until the child has passed the age limit that has been provided for in the law. The mother has claimed debt arrears when the father has stopped paying alimony by himself when the child has reached or passed 18 years and has been working. Nevertheless, the court has allowed the claim to be counted despite having passed the age limit period of section 79 of Act 303. The father thinks that the child support order will automatically stop when the child is considered an adult and able to earn a living. The purpose of this study is to critically examine whether the child support order should be terminated automatically or if a child support cancellation order is required. The method used in this study is qualitative based on data collection through jurisprudence books, research papers, journals, case studies and legal provisions. Apart from that, interviews were also conducted with syarie lawyers who handled the cases using field research methods. The results of the study found that an alimony cancellation order is required to stop the payment of alimony by including reasons such as children aged 18 and older. This is also included in the payment through the Withholding of Energy Income Order (PTPT) which is the deduction of wages when the employer needs the order to stop the deduction. If the child maintenance cancellation order is not obtained, then the arrears of maintenance will continue to be calculated and the debt claim can be made if there is no payment by the father. Therefore, the proposal to facilitate the process of stopping the cancellation of alimony is to create a system that allows review through the EPF, that is, if there is an active account through the E-Syariah system, then automatically the payment of alimony can be stopped.

Keywords: Child Support, Annulment Order, Law, Syariah Court.

PENGENALAN

Definisi nafkah menurut fuqaha Syafi'iyah iaitu al-Syaraqawi (1309H/1891M) menggambarkan nafkah sebagai "makanan dengan kadar tertentu, yang wajib



disediakan oleh suami untuk isterinya, pembantu rumah dan juga untuk hambanya. Selain daripada itu, nafkah juga termasuk untuk binatang ternakan dan keturunan dengan secukupnya." Nafkah yang dimaksudkan oleh Syaraqawi adalah keperluan asas yang diharuskan sahaja apabila merujuk kepada hadis sahih al-Bukhari (Al-Bukhari, Abu Ā'bdullah Muḥammad b. Ismail, t.t) yang menjelaskan dengan bermaksud:

Ya Rasulullah, sesungguhnya Abu Sufyan seorang lelaki yang kedekut. Dia tidak memberi kepada saya belanja yang cukup untuk saya dan anak saya kecuali jika tidak, saya ambil dengan tidak diketahuinya. Rasulullah menjawab; "Ambillah olehmu daripada hartanya sekadar yang mencukupi keperluanmu dan anakmu dengan cara yang baik.

Hadis menunjukkan bahawa Rasulullah SAW telah menyuruh Hindun mengambil sebahagian daripada harta suaminya sekadar yang mencukupi untuk keperluan anak-anaknya, walaupun suaminya tidak tahu tentang perkara itu. Ini bermakna Rasulullah SAW tidak akan menyuruh Hindun mengambil harta itu tanpa kebenaran Abu Sufyan sekiranya nafkah itu tidak diwajibkan ke atasnya. Oleh itu, berdasarkan hadis di atas, jelas bahawa bapa mempunyai kewajipan untuk menyediakan nafkah kepada anak. Kewajipan ini adalah hasil daripada perkahwinan sah suami isteri dan anak. Secara amnya, tempoh nafkah seorang anak lelaki berlangsung sehingga dia baligh, dan tempoh nafkah seorang anak perempuan berlangsung sehingga dia berumah tangga menurut al-Shirbini (2001).

Walau bagaimanapun, terdapat kes bahawa si ibu telah memohon kepada mahkamah untuk menuntut nafkah yang tertunggak apabila si bapa dengan sendirinya menghentikan pembayaran nafkah setelah si bapa mengetahui bahawa anaknya sudah memasuki alam baligh dan sudah mengerti untuk mencari wang. Di sini terdapat konflik di antara kedua-dua pihak iaitu si bapa dan juga si ibu kerana si bapa sudah tidak membayar nafkah kerana telah beranggapan bahawa anak telah dewasa manakala si ibu pula meneruskan untuk melaksanakan penguatkuasaan bagi kes tuntutan tunggakan nafkah. Justeru, objektif daripada kajian ini adalah untuk menjelaskan pelaksanaan kes di mahkamah sama ada ia memerlukan kepada suatu perintah mahkamah untuk membatalkan pembayaran nafkah atau ia boleh diberhentikan secara automatik setelah anak itu mencapai umur dewasa.

PERMASALAH KAJIAN

Apabila diperintahkan oleh mahkamah, maka telah menjadi kewajipan bagi seorang bapa untuk membayar nafkah kepada anaknya. Sedia maklum bahawa bagi pihak si bapa, telah mengetahui akan tempoh pembayaran dilakukan iaitu sehingga anak mencapai 18 tahun ke atas. Tidak dinafikan bahawa secara majoritinya pihak si bapa telah mendapat maklumat awal daripada peruntukan undang-undang apabila telah hadir sendiri ke mahkamah. Walau bagaimanapun, kebanyakan pihak si bapa tidak mengetahui bahawa anak yang telah mencapai umur 18 tahun berdasarkan seksyen 79, Akta Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan 1984 (Akta 303), perlu



mendapatkan perintah pembatalan terlebih dahulu sebelum memberhentikan pembayaran nafkah. Hal ini terjadi dalam kes *Mashita lwn Ismad* (2023) (tidak dilaporkan) bahawa si bapa telah memberhentikan pembayaran nafkah kepada anaknya. Akibat daripada itu, si ibu telah memfailkan tuntutan tunggakan nafkah di mahkamah dan telah dibantah oleh si bapa kerana anak tersebut telah melepasi umur 18 tahun.

Walaupun dalam seksyen 79 Akta 303 menyatakan tempoh pembayaran bagi nafkah anak adalah 18 tahun, tetapi ia boleh dilanjutkan bagi tempoh yang munasabah berdasarkan pembelajaran di peringkat yang lebih tinggi. Namun, dalam peruntukan ini kebiasaan si bapa tidak mengetahui status si anak sama ada masih dalam pengajian atau telah bekerja kerana setelah bercerai, anak-anak akan tinggal bersama si ibu tanpa pengetahuan si bapa. Hal ini kerana ia melibatkan pemotongan gaji daripada majikan apabila pihak majikan akan terus memindahkan sebahagian jumlah wang daripada gaji si bapa terus ke akaun si ibu atau si anak. Antara kes yang melibatkan pemotongan gaji adalah *Jamail lwn Aishah* (2019) (tidak dilaporkan) apabila si bapa tidak berpuas hati terhadap mahkamah apabila gajinya terus dipotong walaupun anaknya telah mencapai umur 18 tahun.

Justeru, terdapat permasalahan yang timbul apabila anak mencapai umur 18 tahun sama ada pembayaran nafkah perlu diteruskan atau diberhentikan. Hal ini menimbulkan konflik bagi kedua-dua pihak iaitu si ibu dan si bapa. Oleh hal yang demikian, kajian ini akan meneliti dengan lebih kritis bahawa perlunya ada penyelesaian bagi menamatkan pertikaian yang berlaku. Kajian ini akan disertakan contoh kajian kes terdahulu dan ia boleh dijadikan sebagai rujukan bagi penyelesaian kes yang akan datang.

KAJIAN LITERATUR

Kajian literatur adalah sorotan kajian oleh penyelidik terdahulu yang melibatkan hal pembayaran nafkah. Dalam kajian yang bertajuk 'Penyelesaian Konflik Tuntutan Nafkah Anak di Mahkamah Syariah Pulau Pinang' tahun 2020, jelas menunjukkan had umur untuk si bapa menyara anak adalah berumur 18 tahun sahaja. Selain daripada itu, had untuk menyara nafkah boleh dilanjutkan apabila anak menyambung pengajian di peringkat ijazah pertama dan sehingga berkahwin bagi perempuan. Namun begitu, kajian tersebut tidak menjelaskan perlunya kepada perintah pembatalan apabila anak telah melepasi daripada peruntukan undang-undang yang telah dijelaskan (Mohd Hazwan, 2020).

Walaupun bagaimanapun, terdapat kajian yang menyatakan anak berhak mendapat nafkah sehingga mencapai usia 18 tahun bergantung kepada perintah hakim sama ada boleh dipanjangkan atau disingkatkan. Hal ini menunjukkan, dalam kajian yang dijelaskan oleh Mohd Norhusairi dan Muhammad Farid (2023), ia bergantung kepada keperluan bagi seseorang mengikut kepada keperluan terhadap seseorang anak.



Kajian ini melibatkan pemotongan melalui KWSP bagi mengelak daripada pengabaian yang berlaku apabila si bapa culas untuk membayar nafkah kepada anak-anak. Kajian ini juga tidak membincangkan mengenai pemberhentian nafkah sekiranya anak telah mencapai umur 18 tahun. Sekiranya perintah nafkah telahpun diperolehi, namun tiada pelaksanaan oleh si bapa, maka penguatkuasaan boleh dilakukan melalui Unit Penguatkuasaan dan Pelaksanaan Perintah. Dalam kajian yang dilakukan oleh M. Thariq Abdullah Visra (2023) di dalam tesisnya daripada Fakultas Syariah dan Hukum, Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah Jakarta menjelaskan, walaupun anak telah melepasi 18 tahun, namun tiada perintah untuk memberhentikan pelaksanaan nafkah tersebut, maka penguatkuasaan boleh dilakukan.

Kajian selanjutnya adalah perubahan perintah nafkah yang membabitkan anak telah meningkat dewasa. Perubahan nafkah anak boleh berlaku apabila berlakunya perubahan matan seperti keperluan meningkat, perubahan kos sara hidup pembayar atau penerima nafkah, umur anak dan sebagainya (Zanariah Dimon, et. al, 2023). Perubahan berlaku apabila mengikut kepada situasi atau keadaan anak tersebut serta kos semasa. Dalam kajian daripada Mohd Hazwan Ismail (2023), perubahan boleh berlaku sama ada kos tersebut dinaikkan, diturunkan atau dikekalkan jumlah nafkah.

Daripada keseluruhan kajian terdahulu, jelas hasil daripada kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa tidak terdapat kajian mengenai pembatalan perintah nafkah sekiranya anak telah mencapai umur 18 tahun dan bekerja. Tidak banyak atau kurang kajian berkaitan pembatalan perintah nafkah anak. Oleh itu, terdapat keperluan untuk kajian ini dijadikan panduan bahawa sekiranya anak telah mencapai umur 18 tahun, atau selesai pengajian di peringkat ijazah, maka ia perlu kepada perintah pembatalan nafkah supaya pelaksanaan nafkah daripada si bapa dapat dihentikan.

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi dalam kajian ini menggunakan kaedah kualitatif (Siti Uzairiah, 2017) dengan cara pengumpulan data melalui kepustakaan. Antara data atau fakta yang diperolehi adalah daripada kitab-kitab fiqh mengenai kepentingan untuk membayar nafkah serta tempoh yang perlu dilaksanakan oleh si bapa, kertas kajian daripada pengkaji-pengkaji yang terkait, kertas persidangan daripada seminar-seminar terdahulu serta kajian kes yang akan dihuraikan berdasarkan keputusan daripada mahkamah.

Selain daripada itu, kajian ini juga turut menggunakan metode temu bual (Ahmad Sunawari Long, 2009) bagi memenuhi kajian lapangan iaitu pengumpulan data yang lebih kukuh. Temu bual juga dapat mengisi kelompongan kajian dan dapat menyokong maklumat-maklumat yang diselarikan bersama fakta kajian. Temu bual dalam kajian ini dilaksanakan melalui secara bersemuka bersama peguam syarie yang



mengendalikan kes-kes berkaitan nafkah. Temu bual ini dilakukan secara tidak berstruktur.

Segala data-data yang diperoleh akan dianalisis secara kritis berdasarkan kaedah analisis data iaitu analisis kandungan (sumber dokumen) dan tematik (temu bual) melalui teori dan realiti. Hal ini bagi membolehkan ia selari dengan kitab-kitab fiqh dan peruntukan undang-undang. Justeru, ia boleh dijadikan panduan bagi memenuhi kajian mengenai pembatalan perintah nafkah anak ini.

HASIL DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Nafkah anak menjadi wajib apabila diperintahkan oleh mahkamah. Menurut fuqaha' daripada mazhab Syafie iaitu al-Shirbini yang menjelaskan dalam kitabnya *Mughni Al-Muhtaj*, Jilid 3 yang bermaksud "dan gugurlah nafkah anak dengan luputnya masa, ia tidak menjadi hutang ke atas bapa melainkan ia diperintahkan oleh kadi atau dengan izin kadi sebagai hutang kerana bapa hilang atau mempunyai halangan." Al-Shibini menjelaskan, nafkah yang menjadi hutang yang tertunggak sekiranya tidak dibayar oleh si bapa setelah diperintahkan daripada mahkamah. Justeru, apabila mahkamah telah mengeluarkan perintah (Mohd Hazwan Ismail, et. al, 2021), maka ia menjadi kewajipan bagi seorang bapa menunaikan tanggungjawabnya untuk membayar nafkah.

Dalam peruntukan undang-undang di Malaysia pula, kesemua negeri memperuntukkan mengenai kewajipan membayar nafkah. Dalam Seksyen 72 (1) Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 memperuntukkan:-

Kecuali jika sesuatu perjanjian atau sesuatu perintah Mahkamah memperuntukkan selainnya, maka adalah menjadi kewajipan seseorang lelaki menanggung nafkah anaknya, sama ada anak itu berada dalam jagaannya atau dalam jagaan seseorang lain, sama ada dengan mengadakan bagi mereka tempat tinggal, pakaian, makanan, perubatan dan pelajaran sebagaimana yang munasabah memandang kepada kemampuan dan taraf kehidupannya atau dengan membayar kosnya.

Perintah yang dikeluarkan oleh mahkamah adalah terhadap seseorang lelaki (kebiasaannya bapa)-untuk menanggung nafkah anak dari segi makanan, pakaian, tempat tinggal, perubatan (jika diperintahkan) dan pelajaran atau pendidikan (kebiasaannya adalah persediaan persekolahan). Kesemua item nafkah tersebut akan dibayar melalui kos dengan cara membayar kepada anak itu sendiri atau melalui penjaganya iaitu ibu. (Mohd Hazwan Ismail et. al, 2024). Perintah nafkah anak adalah wajib ditunaikan walaupun pihak yang bercerai telah bersetuju untuk menggugurkan segala hak selepas bercerai. Ini jelas dalam kes *Norila Kader Ibramsah v. Mohd Zainuddin Azhar Ismail* [2010] 1 CLJ (Sya) 160. Plaintiff dalam kes ini telah bercerai dengan defendan iaitu suaminya. Semasa proses perceraian, plaintiff bersetuju untuk



tidak menuntut apa-apa nafkah anak dari defendan, dan persetujuan itu telah dicatat di dalam Sijil Perakuan Cerai yang dikeluarkan oleh Mahkamah Rendah Syariah di bawah. Plaintif bagaimanapun kemudian memfailkan tuntutan nafkah anak terhadap defendan sambil berhujah bahawa persetujuannya di atas tidak menggugurkan kewajipan defendan untuk menanggung nafkah anak mereka. Defendan membangkitkan bantahan awal dan di hadapan yang arif hakim berhujah bahawa plaintif terikat dengan persetujuannya di atas dan dengan itu tidak boleh meneruskan dengan tuntutan nafkah anaknya terhadap defendan. Mahkamah memutuskan plaintif atau si ibu tidak berhak menggugurkan nafkah anak yang menjadi kewajipan defendan sebagai bapa untuk menanggungnya. Menanggung nafkah anak oleh seseorang ibu boleh dibuat atas kerelaannya sendiri. Namun, tanggungan memberi nafkah anak tetap tertanggung ke atas seorang bapa. Dengan itu, persetujuan oleh plaintif untuk menanggung nafkah di sini tidak boleh menggugurkan kewajipan defendan untuk menanggung nafkah anaknya.

Daripada kes tersebut, jelaslah bahawa nafkah anak wajib ditunaikan bagi seorang bapa kepada anaknya. Nafkah anak merangkumi segala bentuk keperluan asas seperti makanan, pakaian, tempat tinggal, perubatan dan pendidikan dengan cara membayar wang. Pada zaman ini, amalan yang digunakan untuk membayar nafkah adalah dengan cara pindahan wang secara elektronik dan juga potongan gaji melalui Perintah Tahanan Pendapatan Tenaga (PTPT) daripada majikan si bapa terus memasuki akaun si ibu atau si anak (Mohd Hazwan Ismail et. al, 2021).

Walaupun begitu, peruntukan undang-undang juga menjelaskan mengenai had umur untuk pembayaran nafkah. Had pembayaran umur untuk membayar nafkah telah diperuntukan dalam Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) dalam seksyen 79:

Perintah nafkah hendaklah tamat apabila anak itu mencapai umur lapan belas (18) tahun, tetapi mahkamah boleh atas permohonan oleh anak itu atau oleh seseorang lain melanjutkan perintah nafkah itu supaya meliputi apa-apa tempoh tambahan yang difikirkannya munasabah bagi membolehkan anak itu mengikuti pelajaran atau latihan lanjut atau lebih tinggi.

Apabila anak telah mencapai umur 18 tahun, maka akan tamat serta terhenti daripada pembayaran nafkah anak. Hal ini juga selaras dengan kitab fiqh iaitu *Kifayat al-Talib al-Rabbani li Risalah Ibn Zayd al-Qayrawani* daripada fuqaha' Maliki, salah seorang pendapat iaitu daripada al-Shazali (1997/1417) menyatakan bahawa:

Had nafkah bagi seseorang anak adalah sehingga mencapai umur akil baligh iaitu 18 tahun. Apabila anak telah mencapai 18 tahun, maka tamatlah penanggungan nafkah seorang bapa kepada anak. Anak tersebut hendaklah mencari pekerjaan untuk menyara dirinya sendiri.



Walau bagaimanapun, had nafkah tersebut boleh dilanjutkan lagi walaupun anak tersebut melebihi umur 18 tahun. Dalam seksyen 79 yang disebutkan tadi, nafkah anak boleh diteruskan apabila anak tersebut mengikuti pelajaran atau latihan lanjut atau yang lebih tinggi. Berdasarkan temu bual bersama peguam syarie yang mengendalikan kes tuntutan nafkah, maksud bagi lanjutan pelajaran yang lebih tinggi adalah setakat ijazah pertama sahaja iaitu sehingga selesai pengajian di peringkat ijazah sarjana muda di universiti (Tuan Mohd Noor Alif bin Dolmat, 2024). Hal ini juga dijelaskan oleh fuqaha' dalam kitab *Hashiyah l'annah al-Talibin* karangan ibn al-Sayyid Muhammad Shata (2002/1422) menjelaskan:

Sekiranya anak masih dalam pengajian, maka bapa adalah bertanggungjawab untuk menyara anak tersebut. Hal ini adalah, anak sebagai pelajar masih belum mampu untuk mencari wangnya sendiri kerana sibuk untuk menuntut ilmu dan belum ada masa untuk bekerja.

Nafkah untuk lanjutan ini adalah menjadi kewajipan bapa untuk membantu anak-anak mereka mencapai kejayaan akademik di masa hadapan (Al-Ṭanṭawi, 1979/1399). Pandangan daripada fuqaha Syafie' dan Hanafi bersetuju dengan keterangan yang dijelaskan oleh ibn al-Sayyid Muhammad Shata (2002/1422) ini.

Selain daripada pelajaran, had lanjutan pembayaran nafkah juga boleh berlaku kepada anak perempuan. Hal ini telah dijelaskan dalam kitab *Sharḥ Faḥ al-Qadir* daripada Ibn al-Humam (1995/1415) yang menyatakan bahawa anak perempuan hendaklah ditanggung sehingga mereka telah berkahwin. Keterangan daripada fuqaha' tersebut selaras dengan peruntukan undang-undang dibawah seksyen 79(c). Namun, peruntukan undang-undang tersebut juga menambahkan lagi perkara yang melibatkan kecacatan dari segi rohani dan jasmani, iaitu:

- (i) seseorang anak perempuan yang belum berkahwin atau yang, oleh sebab sesuatu hilangupaya dari segi otak atau jasmani, tidak berkebolehan menanggung nafkah dirinya;*
- (ii) seorang anak lelaki yang, oleh sebab sesuatu hilangupaya dari segi otak atau jasmani, tidak berkebolehan menanggung nafkah dirinya.*

Bagi anak perempuan, nafkah boleh dilanjutkan sehingga anak tersebut berkahwin. Sekiranya anak perempuan telah berkahwin, maka pelaksanaan untuk pembayaran nafkah terhenti kerana anak perempuan tersebut akan ditanggung oleh suaminya. Namun, dari segi kecacatan atau hilang upaya yang mengakibatkan sakit otak atau badan yang dialami oleh anak perempuan dan anak lelaki, bapa perlulah menanggung anak tersebut sehinggalah sembuh. Dan sekiranya tidak sembuh, maka penanggung nafkah tersebut perlu melanjutkan lagi sehinggalah anak tersebut meninggal dunia (Tuan Mohd Noor Alif bin Dolmat, 2024).

Namun, dalam permasalahan kajian ini, si bapa ingin melepaskan tanggungjawabnya untuk memberi nafkah apabila ia mengetahui bahawa anaknya telahpun melepasi



had umur 18 tahun. Si bapa perlu mendapatkan perintah mahkamah untuk membatalkan pembayaran nafkah yang ditanggung olehnya sebelum ini. Walau bagaimanapun, si bapa perlu menjelaskan atau membuktikan bahawa anak tersebut telah mencapai umur 18 tahun dan ke atas. Hal ini kerana, permohonan (*al-mudda'i*) untuk pembatalan akan dilakukan oleh si bapa dan perlu memasukkan keterangan (*pliding*) sewaktu memfailkan untuk pendaftaran di mahkamah (Tuan Muhamad Aslam bin Ahmad, 2024). Hal ini jelas dalam peruntukan undang-undang di seksyen 72 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003:

Beban untuk mengemukakan keterangan dalam sesuatu kes mal terletak pada orang yang mengatakan atau menegaskan sesuatu fakta (al-mudda'i) dan orang yang mengangkat sumpah untuk menafikan atau mempertikaikan sesuatu fakta (al-Muda'a 'alaih).

Beban pembuktian adalah terletak pada si bapa (*al-mudda'i*) kerana si bapa telah menyatakan bahawa anak tersebut telah mencapai umur 18 tahun dan bekerja. Sekiranya si ibu yang menjaga tidak menyatakan bantahan mengenai permohonan yang dibuat oleh si bapa, maka ia dianggap benar dan mahkamah boleh menerima dakwaan daripada si bapa. Justeru, permohonan dengan menyatakan bahawa anak telahpun melepasi had umur, boleh diluluskan dan mahkamah akan mengeluarkan perintah pembatalan nafkah anak.

Hal ini jelas dalam kes yang telah diputuskan sebelum ini iaitu kes *Wan Anis lwn Mahani* (2018) (tidak dilaporkan) di negeri Pulau Pinang apabila mahkamah telah membenarkan dan meluluskan tuntutan daripada plaintif iaitu si bapa apabila perintah pembayaran nafkah sebelum ini pada tahun 1996 dibatalkan yang telah berkuatkuasa pada Mei 2018 kerana anak melepasi umur 18 tahun dan telah bekerja. Perintah pembatalan ini juga berkuatkuasa bagi kes yang melibatkan pemotongan gaji atau Perintah Tahanan Pendapatan Tenaga (PTPT) apabila majikan perlu mendapatkan perintah pembatalan nafkah terlebih dahulu sebelum pemotongan gaji tersebut dihentikan. Hal ini terjadi dalam kes *Rohzi lwn Silawati* (2019) (tidak dilaporkan) apabila perintah pembatalan perintah nafkah anak diperolehi daripada mahkamah dan diberi kepada majikan plaintif iaitu Jabatan Bomba dan Penyelamat. Sebelum ini perintah nafkah tersebut dikuatkuasakan pada tahun 2007. Dan terakhir yang melibatkan majikan untuk memberhentikan pembayaran nafkah adalah kes *Jamail lwn Aishah* (2019) (tidak dilaporkan) yang diperintahkan untuk membayar nafkah sebanyak RM160 sebulan bermula bulan Januari 1991. Plaintif telah memohon untuk pembatalan dan dibenarkan oleh mahkamah dan mahkamah mengeluarkan perintah pembatalan perintah nafkah dan diserahkan kepada majikan plaintif iaitu di Bahagian Unit Gaji, Ibu Pejabat Polis Kontijen (IPK) Pulau Pinang bermula bulan April 2019.

Justeru, hasil kajian mendapati, bagi pemberhentian pembayaran nafkah perlulah mendapatkan perintah pembatalan nafkah anak terlebih dahulu. Pembayaran nafkah tidak boleh diberhentikan secara sendiri atau pemberhentian secara automatik oleh si bapa. Hal ini kerana, apabila mahkamah telah memerintahkan nafkah anak, maka ia terus akan berkuatkuasa sehinggalah perlu kepada suatu perintah pembatalan untuk



tidak membayar nafkah. Selain daripada itu, bukti kepada anak tersebut telah dewasa dan boleh mencari pekerjaan sendiri juga perlu dimaklumkan di mahkamah apabila anak tersebut tidak lagi menyambung pengajian. Ini jelas dalam peruntukan undang-undang mengenai beban pembuktian di dalam seksyen 73 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003:

- (1) *Sesiapa yang berhasrat supaya mana-mana Mahkamah memberikan penghakiman tentang apa-apa hak atau tanggungan di sisi undang-undang yang bergantung kepada kewujudan fakta yang ditegaskan olehnya, mestilah membuktikan bahawa fakta itu wujud.*

Si bapa yang memfailkan di mahkamah, perlu mengemukakan bukti bahawa anak tersebut telah bekerja dan mempunyai badan yang sihat serta mampu untuk mencari nafkahnya sendiri. Bagi sesuatu perkara yang pada asalnya telah diperintahkan, maka ia wajib dilaksanakan sehingga tiada apa-apa lain perkara yang membatalkannya. Hal ini jelas dalam kaedah fiqh (Muslim bin Muhammad bin Majid ad-Dausari, 2007/1428), iaitu:

الأصل بقاء ما كان على ما كان

Bermaksud: Sesuatu itu adalah kekal seperti mana asalnya.

Sesuatu yang kekal bagi kajian ini adalah melibatkan hak nafkah terhadap anak. Nafkah adalah diwajibkan ke atas seorang bapa kepada anaknya yang telah dijelaskan dalam al-Quran, hadis dan peruntukan undang-undang. Justeru, apabila sesuatu itu kekal setelah diperintahkan, maka ia perlu diberi nafkah secara berterusan, melainkan terdapat adanya sesuatu yang membolehkan ia terhenti. Oleh hal yang demikian, bagi sesuatu yang membolehkan pemberhentian nafkah ini adalah perlu adanya 'perintah pembatalan pemberhentian nafkah' daripada mahkamah untuk memutuskan daripada asal yang melibatkan kekalnya itu.

Pembatalan nafkah ini juga diperuntukan dalam seksyen 75 Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 yang memperuntukkan bahawa

Mahkamah boleh, atas permohonan seseorang yang ada mempunyai kepentingan, pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa mengubah, atau boleh pada bila-bila masa membatalkan, sesuatu perintah mengenai penjagaan atau nafkah seseorang anak, jika Mahkamah berpuas hati bahawa perintah itu telah diasaskan atas sesuatu salah pernyataan atau kesilapan fakta atau jika sesuatu perubahan matan telah berlaku tentang hal keadaan.

Oleh yang demikian, mahkamah berkuasa untuk membatalkan pembayaran nafkah setelah diperintahkan sebelum itu. Sekiranya si bapa tidak mendapatkan perintah pembatalan nafkah anak dan tidak membayar nafkah setelah anak melepasi umur 18 tahun, maka ia akan terjadi tunggakan nafkah. Tunggakan nafkah tersebut boleh dilakukan atau diadu oleh si ibu atau si anak kepada mahkamah dan mahkamah



boleh menguatkuasaan undang-undang terhadap tunggakan itu berdasarkan seksyen 148 Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1988. Si bapa perlu memohon kepada mahkamah bagi memberhentikan pembayaran nafkah dengan mengemukakan bukti bahawa anak tersebut boleh mencari rezeki sendiri.

KESIMPULAN

Nafkah adalah kewajipan bagi seorang bapa kepada anaknya bermula daripada kelahiran anak sehinggalah dewasa. Menurut undang-undang, setelah mahkamah mengeluarkan perintah nafkah, maka ia menjadi kewajipan untuk melaksanakan pembayaran. Sekiranya si bapa tidak membayar, maka ia menjadi tunggakan. Walau bagaimanapun, terdapat konflik di antara kedua-dua pihak iaitu si bapa dan si ibu apabila anak telah meningkat dewasa setelah berumur 18 tahun. Si bapa telah memberhentikan pelaksanaan pembayaran nafkah sedangkan si ibu masih mengira bahawa perintah nafkah tersebut masih berkuatkuasa. Hal ini juga terjadi apabila pembayaran melalui potongan gaji bahawa pelaksanaan potongan tersebut masih berlaku walaupun anak telah mencapai 18 tahun dan bekerja.

Hasil kajian merumuskan bahawa, nafkah yang diperintahkan oleh mahkamah tidak diberhentikan secara automatik setelah anak mencapai umur 18 tahun. Hal ini kerana, anak tersebut berkemungkinan masih dalam pengajian di peringkat ijazah atau anak yang menjadi status orang kurang upaya (OKU). Oleh yang demikian, pemberhentian daripada pembayaran nafkah perlu dilakukan di mahkamah agar mahkamah mengetahui bahawa anak tersebut telah mencapai umur 18 tahun dan bekerja. Si bapa perlu mengemukakan bukti dengan memberi keterangan bahawa anak tersebut sihat tubuh badan dan boleh mencari wang sendiri. Setelah mahkamah mengetahui status anak tersebut, maka mahkamah boleh atau membenarkan perintah pembatalan nafkah dan si bapa boleh untuk memberhentikan pembayaran nafkah. Perintah pembatalan tersebut juga perlu diserahkan kepada majikan bagi proses pemberhentian melalui gaji si bapa. Cadangan daripada kajian ini adalah mewujudkan satu sistem yang membolehkan jaringan sistem E-Syariah dengan sistem KWSP agar ia boleh diberhentikan secara automatik tanpa perlu kepada permohonan. Si bapa boleh mengeluarkan salinan daripada mahkamah dan perlu menghantar kepada majikan tanpa lagi perlu perbicaraan di mahkamah. Proses ini adalah lebih cepat, teratur dan menjimatkan masa.

RUJUKAN

- Ahmad Sunawari Long. 2009. *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: UKM.
- Al-Bukhari, Abu Ā'bdullah Muḥammad b. Ismail (t.t). *Saḥīh al-Bukhari*, j.7. Kaherah: Dar wa Matabi' al-Shiab.
- Al-Dimyati, Al-Sayyid al-Bakri ibn al-Sayyid Muḥammad Shata. 2002/1422. *Hashiyah l'annah al-Talibin*, jilid 4. Beirut: Dar al-Fikr.



- Al-Sharqawi Ābdullah. 1309H/1891M. *Ḥashiyat al-Sarqawi A'la Sharḥ al-Taḥrīr Li Zakariya al-Anṣari Juzuk 2*. Mesir: Al-Husayniyyah.
- Al-Shazali, Abi al-Ḥasan Ā'li ibn Nasir al-Din ibn Muḥammad. 1997/1417. *Kifayat al-Ṭalib al-Rabbani li Risalah Ibn Zayd al-Qayrawani, jilid 2*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Shirbini, Al-Khatib, Sheikh Muḥammad. 2001. *Mughni al-Muhtaj, Jilid 3*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Ṭanṭawi, Maḥmud Muḥammad. 1979/1399. *Al-Ahwal al-Shakhsiyyah fi al-Shati'ah al-Islamiyyah*. Beirut: Matba al-Sa'ah.
- Ibn al-Humam, Kamal al-Din Muḥammad ibn Ābd al-Wahid al-Siwasi. 1995/1415. *Sharḥ Fath al-Qadir, jilid 14*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Jamail lwn Aishah 2019, Mahkamah Rendah Syariah Seberang Perai Selatan. No. Kes Mal: 0089-2019.
- Mashita lwn Ismad 2023, Mahkamah Tinggi Syariah Pulau Pinang. No. Kes Mal: 0037-2022.
- Mohd Hazwan Ismail & Jasni Sulong. 2021. Pemberian Nafkah Anak oleh Waris: Pelaksanaan dan Kekangan Undang-undang. *Journal of Muwafaqat*, Vol. 4 No. 2, 2021, pp. 18-31. (E-ISSN: 2600-8939)
- Mohd Hazwan Ismail & Mohd Afiq Najhan Mahamad Isa. 2024. Analisis Item Nafkah Selain Keperluan Asas Dalam Perintah Nafkah. *Jurnal Undang-Undang Dan Masyarakat (JUUM)*, Vol. 34, No. 1 (2024). e-ISSN: 2735-1270.
- Mohd Hazwan Ismail, Jasni Sulong. 2021. Saman Penghutang Penghakiman: Keperluan Perintah Nafkah Atau Perintah Tunggakan Nafkah. *Journal of Contemporary Islamic Law*, Vol. 6(1) 29-38.
- Mohd Hazwan Ismail. 2020. *Penyelesaian Konflik Tuntutan Nafkah Anak Di Mahkamah Syariah Pulau Pinang*. Tesis Ijazah Sarjana Sastera, Universiti Sains Malaysia (USM).
- Mohd Hazwan Ismail. 2023. Perubahan Perintah Nafkah Anak Mengikut Kepada Keperluan Semasa: Kajian Di Negeri-Negeri Zon Utara. *International Journal For Studies On Children, Women, Elderly And Disabled*. Vol. 18, (Jan). 29-37.
- Mohd Norhusairi Mat Hussin & Muhammad Farid Aizat Fauzi. 2023. Pembayaran Nafkah Anak Melalui Potongan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja: Suatu Alternatif. *UUM Journal of Legal Studies*, 14, No. 1 (January) 2023, pp: 333–363.



- M. Thariq Abdullah Visra. 2023. Peran Bahagian Sokongan Keluarga di Malaysia dalam Masalah Nafkah Anak Pasca Perceraian. Tesis Sarjana, Program Studi Hukum Keluarga Fakultas Syariah dan Hukum, Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah Jakarta, Indonesia.
- Muslim bin Muhammad bin Majid ad-Dausari. 2007/1428. *Al-Mumta'e fi al-Qawaid al-Fiqhiyati*, al-Juz al-Awal. Riyadh, Arab Saudi: Dar al-Zadni.
- Rohzi lwn Silawati. 2019. Mahkamah Rendah Syariah Seberang Perai Utara. No. Kes Mal: 0131-2019.
- Siti Uzairiah. 2017. *Kajian Kualitatif Dan Analisis Temu Bual*. Kuala Lumpur: Aras Publisher.
- Tuan Mohd Noor Alif bin Dolmat. 2024. Peguam Syarie bagi firma Alif Aishah & Associates, dalam temubual dengan penulis melalui telefon pada 24hb Jun 2024 jam 3.59 petang.
- Tuan Muhamad Aslam bin Ahmad. 2024. Peguam Syarie di Jabatan Bantuan Guaman Negeri Selangor dalam temubual dengan penulis melalui telefon pada 23hb Jun 2024 jam 9.00 pagi.
- Wan Anis lwn Mahani 2018, Mahkamah Rendah Syariah Seberang Perai Tengah. No. Kes Mal: 0056-2018.
- Zanariah Dimon, Zaini Yusnita Mat Jusoh. 2023. Perubahan Perintah Nafkah Anak Disebabkan Keperluan Kos Sara Hidup: Perbandingan Undang-Undang Keluarga Islam Dan Sivil. *E-Prosiding International Conference On Syariah & Law 2023 (ICONSIAL 2023)* 15th November 2023.